DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH LIPIS 2020

Oleh Unit Rancangan Pembangunan Kuantan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Masa Depan Daerah Lipis - Memartabatkan Warisan, Memacu Pembangunan

"KALAU ORANG TIDAK TAHU SEJARAH, IA TIDAK AKAN FAHAM MASA KINI, APALAGI MASA DEPAN. SEMUA KESALAHAN YANG KITA LAKUKAN SELAMA INI TERJADI KERANA KITA TIDAK TAHU SEJARAH" - PRAMOEDYA ANANTA TOER.

SEJARAH RINGKAS

Bandar Kuala Lipis terletak di pertemuan Sungai Jelai dengan Sungai Lipis dan merupakan ibu negeri Pahang pertama mulai tahun 1898 sebelum dipindahkan ke Kuantan pada 1955. Ketika zaman penjajahan, British telah membina rumah-rumah kediaman dan pejabat serta jalan asas yang menghubungkan Lipis dengan Kuala Lumpur sejauh 130 batu pada tahun 1890 bagi memudahkan pihak penjajah membawa keluar hasil bumi daerah ini. Nama Lipis adalah dipercayai diambil sempena dengan sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai *Serau Lipis* (Pevetta indica). Sebelum kedatangan Inggeris pada tahun 1887, Daerah ini menjadi pusat perdagangan bagi emas, jelutong dan lain-lain hasil daripada hutan sekitarnya. Sesungguhnya Lipis memang kaya dengan sejarahnya.

Bukit Residen (1922)

Jeti Lama Lipis

KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH

Bagi memelihara warisan sejarah dan mengimbangi keperluan pembangunan untuk pertumbuhan ekonomi, Majlis Daerah Lipis dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia sedang menjalankan satu kajian perancangan untuk Daerah Lipis yang juga dikenali sebagai Kajian Rancangan Tempatan Daerah Lipis 2020.

Kajian yang berteraskan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 telah dimulakan pada 20 September 2010 dan siap pada 14 Oktober 2011. Kawasan kajian meliputi keseluruhan Daerah Lipis yang berkeluasan 540,778 hektar dengan jumlah penduduk pada tahun 2010 seramai 93,300 orang dan diunjurkan akan meningkat seramai 114,278 orang menjelang tahun 2020. Bagi memenuhi prosedur kajian, satu program Publisiti dan Hebahan akan diadakan pada **1 Nov 2011, jam 10.00 pagi di Dewan Jubli Perak, Sultan Haji Ahmad Shah, Kuala Lipis, Pahang. Majlis Perasmian akan disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Pahang. Tempoh Publisiti akan berakhir pada 1 Dis 2011.**

Anda juga berpeluang untuk memberi pandangan dengan membuat semakan dan lawatan ke kaunter-kaunter yang di sediakan mengikut jadual. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada **MDL (Bahagian Perancangan, No. Tel : 09-3121253) atau laman web : www.mdlipis.gov.my atau Unit Rancangan Pembangunan Kuantan, JPBD SM (No. Tel : 09-5163666) atau melalui facebook di alamat : www.facebook.com/RTD Lipis 2020**

PETA CADANGAN DAERAH LIPIS



CADANGAN PEMBANGUNAN DAERAH LIPIS

Cadangan pembangunan Daerah Lipis boleh dirumuskan ke dalam 5 sektor utama berdasarkan kepada perkataan LIPIS

L - ***Linkages*** : Lipis perlu meningkatkan aksesibiliti dengan wilayah luar bagi menolak imej sebagai daerah terpencil. Penyediaan lebuh raya Lipis-Jerantut-Kemaman adalah *catalyst* pembangunan disamping peningkatan perkhidmatan keretapi, pengangkutan awam dan jalan-jalan dalaman bagi meningkatkan *connectivity* dalam daerah Lipis.

I - ***Invesment*** : Bagi meningkatkan ekonomi daerah, usaha dan komitmen yang berterusan perlu dibuat secara usaha sama bagi menggalakkan kemasukan pelabur-palabur ke dalam daerah Lipis khususnya dalam bidang perumahan, perbandaran, pertanian, pengangkutan, perindustrian dan pelancongan. Dalam erti kata lain, pelaburan harus berteraskan *private sector driven.*

P - ***Population*** : Bagi memajukan daerah dalam pelbagai bidang khususnya dalam meningkatkan kuasa beli dan tenaga kerja, Lipis perlu menambahkan bilangan penduduk. Pengisian skim-skim Felda, pembinaan IPTA, industri perlombongan dan pertanian merupakan aspek yang perlu dipertimbangkan.

I - ***ICT & Infrastruktur*** : Peningkatan **ICT** diperlukan untuk tadbir urus yang berkesan termasuk pemantapan organisasi dan kewangan manakala pembangunan infrastruktur khususnya dari aspek telekomunikasi, pengurusan sisa pepejal, meningkatkan bekalan air adalah penting bagi menyokong sektor pelaburan dan penjanaan ekonomi.

S - ***Sustainability*** : Pembangunan mampan adalah penting bagi daerah ini bagi menjamin kualiti alam persekitaran untuk kehidupan yang selesa serta pengawalan sumber secara berhemah untuk kepentingan sektor pelancongan dan generasi akan datang.

TUJUAN PUBLISITI

- Melaksanakan Keperluan Akta Perancangan Bandar dan Desa , 1976 (Akta 172).
- Memaklumkan kepada orang awam perancangan dan halatuju pembangunan Daerah Lipis.
- Memberi peluang kepada orang awam untuk mengemukakan syor dan pandangan

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM) adalah agensi kerajaan di bawah **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** yang bertanggungjawab secara langsung keatas Perancangan Bandar dan Desa di Negara ini. Selain penyediaan Rancangan Fizikal Negara dan dasar-dasar Perancangan Negara, Jabatan juga bertanggungjawab membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi pelaksanaan perancangan dan pembangunan kawasan berkenaan. Sebarang keperluan bolehlah menghubungi melalui alamat berikut :

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jalan Cenderasari, 50646, Kuala Lumpur. (No. Tel : 03-26989211, No. Faks : 03-26920590 atau laman web: http://www.townplan.gov.my

Bersama-sama Merancang Daerah Kita

Anda Dijemput Mengemukakan Pandangan Mengenai Halatuju Pembangunan

DAERAH LIPIS